

Kejayaan Persisi bukan suatu yang mudah dicapai

CAKAP SINI

Mohd Sani Ali

SEJAMBAK tahniah kepada Persekutuan Silat Singapura (Persisi) di atas kejayaan dua pesilat mudanya meraih anugerah Olahragawan dan Olahragawati Remaja.

Walaupun para pesilat masih belum memenangi

^ Scroll to Top

Sebagai anugerah tertinggi negara — Olahragawan dan Olahragawati negara — namun berdasar peningkatan yang ditunjukkan oleh Persisi, badan sukan ini boleh dikatakan sebagai salah sebuah badan sukan contoh.

Sejak Persisi memenangi anugerah Olahragawan Remaja serta anugerah Jurulatih Terbaik pada 1999, badan sukan ini tidak menoleh ke belakang dalam usaha mereka meningkatkan prestasi mereka.

Kali ini, mereka bukan sahaja memenangi dua anugerah untuk pesilat remajanya, malah sumbangan 19 lagi pesilat mereka turut menerima pengiktirafan daripada Majlis Olimpik Kebangsaan Singapura (SNOC).

Ini bukan suatu kejayaan yang kecil jika diukur pada sumber tenaga yang terhad disebabkan keterbatasan kewangan.

Ia juga bukan suatu yang mudah dicapai, lebih-lebih lagi memandangkan hampir semua badan sukan nasional menghadapi masalah terutama perbezaan pendapat di kalangan anggota tentang cara terbaik mentadbir badan sukan berkenaan.

Namun demikian, di atas kesedaran untuk meningkatkan martabat silat, disulami dengan kegigihan dan disemai pula dengan keazaman untuk melihat silat berkembang bukan sahaja di rantau sini malah di pentas dunia, semua yang terlibat dalam usaha murni tersebut perlu turut dihadiankan sejangkak pujian di atas kejayaan cemerlang ini.

Persisi sememangnya berada di landasan yang betul dalam menuju ke arah kecemerlangan dalam sukan.

Inilah juga matlamat sejajar dengan visi

^ Scroll to Top

rintan menjadikan Singapura sebagai salah sebuah negara sukan terbaik di Asia dalam 2010.

Begitu juga keadaannya, apabila Parlimen mengumumkan untuk membangunkan Resort Bersepadu, ia mahu menjadikan resort di negara ini resort kelas dunia.

Seperti setiap usaha, untuk menuju matlamat tersebut, mereka pasti mempunyai perancangan jangka panjang.

Justeru itu, perancangan seperti ini harus dijadikan contoh. Ia juga perlu dimiliki oleh setiap anggota persatuan sukan nasional apatah lagi setiap kelab Liga-S.

Andainya setiap anggota persatuan sukan nasional berupaya menyepadukan setiap tenaga yang dimiliki mereka, di samping mengetepikan setiap masalah yang hanya merugikan, matlamat untuk meletakkan taraf sukan republik ini ke tahap dunia memang bukan sesuatu yang mustahil.

